

SULIT



**UTHM**  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER II  
SESI 2013/2014**

NAMA KURSUS : EKONOMI TANAH UNTUK PEMBINAAN  
KOD KURSUS : BPF 31703  
PROGRAM : 3 BPC  
TARIKH PEPERIKSAAN : JUN 2014  
JANGKA MASA : 3 JAM  
ARAHAN : JAWAB LIMA (5) SOALAN SAHAJA.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **EMPAT (4)** MUKASURAT

**SULIT**

- S1** Pelbagai isu dan cabaran berkaitan perumahan perlu ditangani dengan berkesan bagi memastikan sektor perumahan dalam negara mencapai pembangunan yang sihat dan terus meyumbang secara positif kepada pertumbuhan ekonomi negara. Antara isu utama yang dikenalpasti ialah kemampuan serta aksesibiliti rakyat untuk membeli atau menyewa rumah yang disediakan di bandar.

Selesaikan isu ini melalui **LIMA (5)** kaedah pengawalan daripada aspek pemaju.  
(20 markah)

- S2** **Rajah S2** menunjukkan proses pembangunan projek pembinaan yang diperkenalkan oleh *Chartered Institute of Building* (CIOB) dari negara United Kingdom pada tahun 1996.

Tunjukkan **LIMA (5)** aktiviti yang mempunyai tahap kritikal semasa membuat keputusan dalam pembangunan projek pembinaan mengikut turutan hirarki berdasarkan **Rajah S2**.  
(20 markah)

- S3** “Kekurangan sumber hasil adalah dikatakan punca utama kemerosotan pengurusan pihak berkuasa tempatan. Kebanyakan kajian-kajian yang terdahulu telah mempersoalkan sumber kewangan yang diperuntukan kepada pihak berkuasa tempatan oleh pihak kerajaan pentadbiran adalah tidak mencukupi. Namun begitu, kajian terkini mendapati bahawa pihak berkuasa tempatan di Malaysia mampu membiayai aktiviti-aktiviti dan fungsi-fungsi berkanunnya jika aktiviti-aktiviti pembangunan dikecualikan atau ditanggung oleh pihak berkuasa negeri atau persekutuan.”

(Sumber: Tayib, 2005)

Aplikasikan pernyataan di atas dengan kaedah meningkatkan pendapatan kerajaan tempatan.

(20 markah)

- S4** Kawasan pesisiran pantai merupakan kawasan berpotensi dan menerima tekanan pembangunan yang kuat terutamanya pembangunan berkaitan dengan pelancongan, perindustrian dan pertanian (perikanan). Pembangunan di kawasan ini adalah dirancang dan dikawal dengan teliti supaya ia boleh dibangunkan secara optimum dan berkekalan di samping dapat mengurangkan gangguan ekosistem dan masalah persekitaran.

Tunjukkan **LIMA (5)** ciri rizab kawasan pantai mengikut jenis pembangunan yang sesuai dibangunkan di kawasan pesisiran pantai.

(20 markah)

**S5** Proses perbandaran merupakan satu proses penumpuan penduduk di kawasan bandar yang juga dikenali sebagai proses urbanisasi. Kesan proses ini menyebabkan perubahan dalam peningkatan jumlah penduduk, keaktifan fungsi bandar, penggunaan tanah yang semakin padat dan cara hidup penduduk yang lebih praktikal.

Aplikasikan **LIMA (5)** tindakan pemaju bagi memajukan kawasan bandar dengan menitikberatkan kesihatan dan kejahteraan penduduk.

(20 markah)

**S6** Objektif utama ekonomi bandar ialah mengukuhkan peranan aktiviti bandar di peringkat wilayah dan antarabangsa sebagai sebuah pusat peneraju Ekonomi Berasaskan Pengetahuan. Disamping itu, pencapaian ekonomi bandar yang maksima juga ialah mempelbagaikan serta menguatkan asas ekonomi, mengintegrasikan dan melengkapi aktiviti-aktiviti di dalam Koridor Raya Multimedia dan memperoleh saiz dan taburan penduduk yang optimum.

Tunjukkan **LIMA (5)** ciri-ciri bandar dalam taman sama ada memenuhi objektif ekonomi bandar atau sebaliknya.

(20 markah)

**-SOALAN TAMAT-**


### PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER / SESI : SEM II / 2013/2014

PROGRAM : 3 BPC

NAMA KURSUS : EKONOMI TANAH UNTUK PEMBINAAN

KOD KURSUS : BPF 31703



Sumber: CIOB, 1996

**RAJAH S2:** Proses Pembangunan Projek Pembinaan

